

## Kedudukan Transaksi Perdagangan *Forex* Secara Atas Talian oleh Individu Menurut Perspektif Syariah

### *(The Position of Individual Forex Trading Online According to Sharia Perspectives)*

Nadiatul Athirah Sobri<sup>1</sup>, Azlin Alisa Ahmad<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [nadiatulathirah2000@gmail.com](mailto:nadiatulathirah2000@gmail.com)

<sup>2</sup>Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [azlinalisa@ukm.edu.my](mailto:azlinalisa@ukm.edu.my)

#### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Azlin Alisa Ahmad

([azlinalisa@ukm.edu.my](mailto:azlinalisa@ukm.edu.my))

#### KATA KUNCI:

Forex

Atas talian

Syariah

Perdagangan

#### KEYWORDS:

Forex

Online

Shariah

Trading

#### CITATION:

Nadiatul Athirah Sobri & Azlin Alisa Ahmad. (2022). Kedudukan Transaksi Perdagangan Forex Secara Atas Talian oleh Individu Menurut Perspektif Syariah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001694. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1694>

Dewasa ini, perdagangan *forex* oleh individu secara atas talian semakin popular dan banyak dilaksanakan oleh orang ramai. Pengiklanan perdagangan *forex* yang sering tular di media sosial ini menarik minat ramai orang untuk menceburinya disebabkan keuntungan lumayan yang dijanjikan lebih-lebih lagi ketika kemerosotan ekonomi masyarakat pada era pandemik. Namun, adakah perdagangan dan pelaburan *forex* ini diterima di sisi syariah? Percanggahan pandangan pakar terhadap perdagangan *forex* individu secara atas talian masih menjadi isu yang diperdebatkan sehingga kini walaupun kebanyakan ulama di Malaysia telah menghukumkan transaksi ini haram. Namun, terdapat juga sebahagian ulama membolehkan perdagangan *forex* individu secara atas talian tetapi mestilah dilaksanakan dengan kriteria dan syarat yang ketat. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis pandangan dan hukum-hukum berkaitan perdagangan *forex* secara individu untuk mengenal pasti kedudukannya menurut Islam. Artikel ini berbentuk kajian kualitatif yang mengguna pakai kaedah analisis kandungan sebagai kaedah pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa perdagangan *forex* individu secara atas talian adalah haram kerana mengandungi isu-isu syariah seperti unsur riba, perjudian, tiada qabd, untung atas angin dan banyak lagi isu syariah yang lain. Walaupun terdapat garis panduan yang diberikan oleh pengkaji lepas untuk menjadikan perdagangan *forex* ini harus, seperti tiada pertanggung dalam transaksi, tiada *leverage*/margin dan sebagainya, namun kajian ini mendapati bahawa masih terdapat isu syariah lain yang tetap timbul seperti tiada pegangan qabd ke atas mata wang dan ini tidak dapat mengharuskan sepenuhnya transaksi perdagangan *forex* ini dalam Islam. Justeru, hasil kajian ini akan memberikan implikasi kepada masyarakat dan pedagang agar memahami

tentang elemen-elemen yang membawa kepada pengharaman perdagangan *forex* agar tidak terpengaruh dengan iklan yang menjanjikan pelbagai keuntungan sekiranya memasuki transaksi ini.

### ABSTRACT

Individual forex trading online is gaining popularity and is widely implemented by the public nowadays. This often-viral forex trading advertised on social media attracts many people to venture into it due to the lucrative profits promised especially during the economic downturn in the pandemic era. However, the question arises, is this forex trading accepted in the Shariah? The contradiction of experts' views on individual forex trading online remains a contentious issue to date even though most scholars in Malaysia have ruled this transaction illegal. However, there are also some scholars who allow individual forex trading online but must be carried out with strict criteria and conditions. Hence, this article aims to analyze the views and rulings related to individual forex trading to identify its position according to Islam. This article is in the form of a qualitative study that adopts the method of content analysis as a method of data collection. The findings found that individual forex trading online is haram because it contains shariah issues such as *qabd*, interest, gambling, and many others. Although there are guidelines given by some researchers to make individual forex trading permissible, such as no delay in transactions, no leverage/margin and so on, this study has found that there are still other sharia issues that might arise since there is no *qabd* of the currency. Thus, the results of this study will have implications for the public and traders to understand the elements that lead to the prohibition on individual forex trading. Hence, they are not to be affected by advertisements that promise various profits if they enter into this transaction.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini telah menyumbang kepada literatur sedia ada berkaitan hukum-hakam perdagangan *forex* dalam Islam. Kajian ini dapat menjelaskan kepada masyarakat bahawa perdagangan ini adalah tidak patuh Syariah kerana masih terdapat banyak isu syariah dalam kontrak ini meskipun terdapat segelintir broker dan platform yang cuba untuk menjadikannya sebagai sebuah perdagangan Islamik forex.

## 1. Pengenalan

*Foreign Exchange (forex)* dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-sarfi* iaitu pertukaran mata wang sama ada pertukaran antara mata wang sejenis ataupun mata wang yang berlainan jenis (Abdul Wahab, 2016). Perdagangan *forex* merupakan jenis perdagangan atau transaksi yang memperdagangkan mata wang suatu negara terhadap mata wang negara lainnya (pasangan mata wang) yang melibatkan pasar-pasar wang utama di dunia selama 24 jam secara berkesinambungan.

Antara perdagangan *forex* yang menjadi salah satu kegiatan yang menarik minat sebahagian umat Islam ialah perdagangan *forex* atas talian oleh individu. Antara faktor

yang menarik mereka terjebak dengan perdagangan *forex* jenis ini adalah kerana kesempitan kewangan akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana mengakibatkan ramai masyarakat hilang pekerjaan dan menjadi desakan buat mereka untuk mencari sumber kewangan dengan pantas bagi memenuhi keperluan mereka dan keluarga (Muhammad Farhan et al., 2021). Selain itu, kemudahan memasuki dan menyertai aktiviti ini juga menjadi salah satu pendorong kepada penglibatan masyarakat dalam perdagangan *forex* terutamanya dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Hal ini kerana perdagangan *forex* ini boleh dijalankan di mana-mana sahaja dengan hanya menggunakan komputer atau telefon pintar berserta akses internet bagi melaksanakan urusan niaga. Perdagangan yang dibuka selama 24 jam ini memberikan kemudahan kepada pedagang *forex* sama ada pelajar mahupun mereka yang menjalankannya secara sambilan di luar waktu pekerjaan pada bila-bila masa sahaja (Mohamad Fazli, t.th).

Pelbagai pandangan dan perdebatan yang berlaku antara ahli kewangan, pakar muamalat Islam dan ahli akademik berkenaan kedudukan jenis perdagangan *forex* individu ini dalam Islam memandangkan kegiatannya semakin digemari untuk dilaksanakan oleh golongan masyarakat. Meskipun majoriti ulama menyatakan perdagangan *forex* atas talian oleh individu ini haram, namun masih ramai yang masih menjalankan kegiatan ini disebabkan kejahilan tentang ilmu muamalat yang menyebabkan masyarakat mudah terjerumus ke dalam kancang rezeki yang haram. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis pandangan dan hukum-hukum berkaitan perdagangan *forex* secara individu untuk mengenal pasti kedudukannya menurut Islam. Untuk mencapai objektif kajian, maka kajian ini didahulukan dengan perbincangan terhadap sorotan literatur berkaitan isu-isu syariah dalam *forex* yang merangkumi kesemua jenis *forex* yang diamalkan pada masa kini. Seterusnya, hasil kajian, iaitu unsur pengharaman perdagangan *forex* individu turut dibincangkan dengan mendalam. Akhir sekali, kajian ini membincangkan hasil kajian dengan kedudukan *forex* Islam secara atas talian oleh individu.

## 2. Sorotan Literatur: Isu Syariah dalam Kepelbagaian Jenis *Forex*

Pengertian *al-sarf* dari segi bahasa ialah pertukaran daripada sesuatu keadaan kepada keadaan lain. Erti kata lain, perubahan daripada sesuatu bentuk kepada bentuk yang lain. Manakala pengertian *al-sarf* dari segi istilah ialah jual beli mata wang dengan mata wang sama ada sama jenis atau berbeza jenis. Ini adalah pandangan majoriti mazhab yang terdiri daripada mazhab Syafie, Hanafi dan Hanbali. Contoh jual beli yang sama jenis adalah seperti emas dengan emas dan perak dengan perak. Manakala jual beli berbeza jenis ialah emas dengan perak. Manakala ulama mazhab Maliki dan sesetengah ulama mazhab Syafie seperti Imam al-Nawawi, Ibn Hajar al-'Asqalani dan al-Subki berpendapat *al-sarf* adalah jual beli wang yang berlainan jenis seperti emas dengan perak (Abdul Rahman & Joni Tamkin, 2017b).

Walaupun pensyariatan konsep *bay' al-sarf* tidak dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran tetapi al-Quran menyentuh tentang konsep urusan niaga yang dibenarkan Allah SWT secara umum. Urusan niaga yang dibenarkan syarak mestilah bebas daripada riba sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, 2: 275 berikut.

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: "Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba".

Umumnya, ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT menghalalkan semua urusan jual beli dan mengharamkan urusan niaga yang terdapat riba. Riba yang diharamkan ialah *riba al-nasiah* dan *riba al-fadl*. Sebarang urusan niaga yang terdapat riba tidak sah oleh Allah SWT. Jual beli yang Allah SWT halalkan termasuklah *al-sarf* dan perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditentukan. Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

الدَّهَبُ بِالذَّهَبِ ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ ، وَالْمَلْحُ بِالْمَلْحِ ، مِثْلًا بِمِثْلٍ ، سَوَاءً بِسَوَاءٍ ، يَدًا بِيَدٍ ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ ، فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ ، إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

Maksudnya: “Apabila ditukar emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam mestilah sama timbangan dan sukatnya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan jenis, maka berjual belilah kamu sebagaimana disukai.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini menerangkan pertukaran emas dengan emas atau perak perlu sama kuantiti dan tidak dibenarkan *tafaḍul* (berlebihan) dan perlu *taqabud* (saling melakukan *qabḍ*). Pertukaran emas dengan perak dibenarkan *tafaḍul* iaitu berlainan kuantiti dan perlu *taqabud*.

Justeru, jual beli mata wang (*bay' al-sarf*) adalah dibenarkan dalam Islam tetapi mestilah menepati syarat-syaratnya seperti berlaku *taqabud* kedua-dua item yang dijual beli sebelum berpisah, bebas daripada pensyaratan pengangguhan dan *khiyar al-syart* serta persamaan kadar antara dua item yang ditukarkan jika item bersamaan jenis (Wan Norhaniza, 2018).

Menurut definisi berdasarkan kajian lepas, perdagangan *forex* merupakan salah satu bentuk perdagangan yang wujud pada era ini yang mana perdagangan ini sudah mulai dilakukan oleh orang perseorangan atau individu. Perdagangan *forex* secara atas talian oleh individu ini lazimnya dijalankan hanya untuk mendapatkan keuntungan dengan cara membeli mata wang asing kemudian menyimpannya, dan menjual kembali pada saat nilai mata wang itu naik (Nur Khosiah, 2020). Transaksi ini adalah berdasarkan kadar pertukaran wang setiap negara. Ia menggunakan kadar faedah *spread* yang dihasilkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang antara negara bagi memperoleh keuntungan. Jika ramalan pedagang tepat mengenai pergerakan pasaran masa hadapan, membeli dan menjualnya selepas peningkatan atau penurunan, maka pedagang mungkin mempunyai peluang untuk mengaut keuntungan.

Kajian lepas juga menunjukkan bahawa para sarjana kewangan Islam kontemporari telah membincangkan isu-isu penetapan hukum berdasarkan perspektif syariah terhadap keharusan kepelbagaian jenis perdagangan mata wang asing atau lebih dikenali sebagai *forex* termasuklah *forex swap*, *forex forward*, *forex spot*, *forex money changer* dan *forex* oleh institusi perbankan. Terdapat kajian yang menyatakan perdagangan *forex* ini diharuskan dan terdapat juga kajian yang menyatakan perdagangan *forex* ini diharamkan kerana hukum yang diperolehi melalui hasil kajian adalah berdasarkan jenis perdagangan *forex* yang dikaji oleh para pengkaji.

Abdul Rahman dan Joni (2017a) telah menjalankan kajian terhadap tiga jenis perdagangan *forex* berdasarkan perspektif syariah iaitu *forex spot*, *forex forward* dan *forex swap*. Dalam *forex spot*, isu syariah utama yang dibangkitkan ialah kelewatan *qabḍ* dalam pertukaran mata wang asing. Walau bagaimanapun *forex spot* ini adalah diharuskan oleh majoriti

ulama dan ia bersesuaian dengan syarak yang memudahkan urusan manusia meskipun terdapat kelewatan *qabd*. Hal ini kerana kelewatan *qabd* dalam *forex spot* diterima dan ia tidak dapat dielakkan apabila memasuki pasaran pertukaran asing. Dalam *forex forward* pula, majoriti ulama berpandangan transaksi ini sebagai haram kerana menganggap kelewatan serahan mata wang dalam *forex forward* adalah melebihi tarikh *forex spot* seperti sebulan ke atas dan keperluannya yang tidak mendesak di samping terdapat elemen lain dalam *forex forward* ini yang menyalahi syariah. Sebagaimana *forex forward*, *forex swap* juga dihukumkan sebagai haram kerana terlalu banyak isu yang timbul bertentangan dengan peraturan *al-sarf* seperti tiada *qabd* dan penjualan mata wang yang tiada dalam pegangan.

Selain itu, kajian oleh Nur Khosiah (2020) berkaitan perdagangan *forex* menurut Islam mendapati bahawa terdapat dua ketentuan hukum berdasarkan metod dan kajian fiqh. Hukum pertama ialah *forex* diharuskan untuk tujuan lindung nilai (*hedging*) disebabkan keperluan untuk membeli dan menjual mata wang bagi membuat pembayaran perdagangan eksport-import dari suatu negara ke negara berdasarkan kepada syarat-syarat yang ada. Hukum kedua ialah *forex* diharamkan jika dilakukan hanya untuk memperoleh keuntungan tanpa melakukan perdagangan barang atau komoditi.

Di samping itu, kajian dan perbincangan lepas juga dapat disimpulkan bahawa meskipun sebahagian besar ulama' membenarkan perdagangan *forex* atas talian, tetapi mestilah dilaksanakan dengan kriteria dan syarat yang ketat. Antara syaratnya ialah tiada spekulasi, tidak wujud *rollever interest*, tidak boleh ada *fee* bagi broker yang melakukan *open positon* lebih dari semalam, dan tidak boleh mengenakan kadar *spread* yang lebih tinggi menggantikan *rollever interest* (Rafiqah, 2020). Apabila syarat dan ketentuan tersebut tidak terpenuhi, maka perdagangan *forex* individu atas talian ini hukumnya adalah haram dan disokong oleh fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI) (Nazriani, 2019).

Kajian oleh Ulil Amri (2021), berkaitan perdagangan *forex* menurut hukum Islam menyatakan bahawa berdasarkan analisis hukum ekonomi syariah, sistem transaksi *forex* termasuk dalam kategori akad *sarf* yang mana ketentuan dan pensyaratannya adalah berdasarkan rukun dan syarat. Antara rukunnya iaitu pelaku akad (penjual dan pembeli), objek akad (mata wang). Antara syaratnya pula iaitu serah terima antara kedua pihak sebelum berpisah, adanya kesamaan ukuran jika kedua-dua barang satu jenis (*tamasul*), bebas dari hak *khiyar* dan syarat, dan akad dilakukan secara lani (tidak boleh ada penangguhan).

Kajian Alias et al. (2015) berkaitan tinjauan hukum dalam kontrak tukaran mata wang asing melalui internet mendapati bahawa pertukaran mata wang asing adalah dibenarkan dan mestilah mematuhi syarat-syarat *al-sarf* berdasarkan pandangan majoriti ulama. Urus niaga yang tidak mematuhi syarat *al-sarf* boleh menyebabkan urus niaga tersebut tidak sah atau batal. Dalam kajian ini juga menunjukkan aplikasi *hedging* atau lindung nilai hanya dibenarkan untuk meminimumkan kerugian atau risiko yang bakal berlaku dengan syarat mematuhi hukum *ba'y al-sarf*. Selain itu, Alias et al. (2015) juga membincangkan tentang leveraj dalam urusniaga matawang asing melalui internet yang dijalankan dan menunjukkan perbezaannya dengan konsep leveraj dalam pinjaman. Leveraj dalam urus niaga mata wang asing ini dibenarkan kerana lebih bersifat jaminan (*kafalah*) sementara kepada peniaga untuk memasuki pasaran.

Menurut kajian Mohd Zamerey (2009) berkaitan leveraj dalam urus niaga mata wang asing berdasarkan perspektif syariah pula mengharamkan leveraj dalam urus niaga *forex*

berdasarkan beberapa *dawabit fiqh* seperti ketiadaan *qabd syarie'* dalam leveraj yang diberikan oleh platform, kewujudan unsur-unsur *al-ihthikar* dan *al-najash* yang ditegah oleh Rasulullah SAW dan lain-lain *dawabit*. Rahmat et al. (2021) dalam kajian tentang jual beli mata wang sistem perdagangan *forex* berdasarkan perspektif hukum Islam mendapati bahawa perdagangan *forex* atas talian adalah haram hukumnya kerana mempunyai unsur perjudian, spekulasi dan jual beli *gharar* yang terdapat pada transaksinya, pelaku transaksi dan sistem yang wujud dalaam perdagangan *forex* atas talian. Perdagangan mata wang atas talian (*online forex trading*) pada masa kini adalah bertentangan dengan rukun muamalat Islam dan terdapat kewajaran pengharaman perdagangan ini berdasarkan beberapa isu seperti spekulasi, perjudian dan kesepakatan fatwa ulama (Nik Rahim & Nurliyana, 2021).

Kajian-kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada kajian berkaitan pelaksanaan operasi dan isu- isu syariah yang wujud dalam kepelbagaian jenis perdagangan *forex*. Justeru itu, artikel ini pula akan mengulas secara khusus tentang transaksi perdagangan *forex* secara atas talian oleh individu berserta kedudukannya dalam Islam dengan memfokuskan isu-isu syariah yang wujud dalam pelaksanaan perdagangan *forex* individu atas talian sahaja. Kajian ini adalah penting bagi mengenal pasti isu-isu yang menjadi kritikan utama oleh para sarjana kewangan Islam semasa dan mengelakkan kekeliruan masyarakat tentang faktor pengharamannya.

### 3. Hasil Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa unsur-unsur utama pengharaman dalam perdagangan *forex* secara atas talian oleh individu menurut Islam adalah seperti berikut:

#### 3.1. *Qabd* yang Tidak Jelas dalam Transaksi Pertukaran Mata Wang

Islam telah menyatakan secara jelas bahawa *qabd* mesti dilaksanakan secara lani (*spot*) dalam urusan jual beli mata wang sebagaimana yang dibincangkan di atas khususnya akad *al-sarf*. Namun, dalam perdagangan *forex* secara atas talian oleh individu, *qabd* didapati tidak berlaku dalam empat keadaan:

- i. Pertama: Mata wang yang dibeli ketika membuka posisi tidak akan dikreditkan ke dalam akaun pedagang sehingga mata wang tersebut dijual semula kepada broker ketika penutupan posisi. Ini bermaksud apabila pedagang membuka posisi membeli instrumen EUR/USD, pedagang tidak akan dapat membuat *qabd* terhadap mata wang EUR yang dibeli kerana selagi posisi yang dibuka masih berstatus *OPEN*, maka pedagang tidak akan dapat memperoleh keuntungan daripada kenaikan harga mata wang yang dibeli dan tidak boleh membuat pengeluaran wang tersebut. Keadaan ini berlanjutan sehingga pedagang menutup posisi tersebut (*CLOSE*) iaitu dengan menjual semula mata wang yang dibeli tadi.
- ii. Kedua: Keuntungan yang diperolehi daripada kenaikan harga mata wang yang dibeli hanya boleh dikeluarkan (*withdrawal*) dalam nilai USD sahaja. Misalnya, apabila pedagang membuka posisi *long*, pedagang membeli EUR10,000 dengan membayar USD14,500. Kemudian, pedagang menjual semula EUR10,000 dengan mendapat USD14,550. Jadi, pedagang memperoleh keuntungan sebanyak USD50 dan keuntungan ini hanya diperolehi apabila pedagang menutup posisi dengan menjual semula 10,000 unit EUR (Marjan et al., 2011).

- iii. Ketiga: Penjualan mata wang yang belum dimiliki iaitu ketika mana pedagang membuat penutupan posisi, dia akan menjual semula mata wang yang dibelinya daripada broker sedangkan dia belum lagi melakukan *qabd* terhadap mata wang yang dibelinya. Ini bermaksud bahawa pedagang pada hakikatnya menjual euro yang tidak dimiliki dan tiada dalam pegangannya ketika mana dia mengambil posisi menjual EUR/USD kerana apa yang dimiliki olehnya di dalam akaun adalah mata wang USD sahaja. Ini adalah bertentangan dengan hadis Rasulullah SAW yang melarang masyarakat Islam daripada menjual sesuatu yang belum dimiliki.:

لا يَحِلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ وَلَا شَرْطَانِ فِي بَيْعٍ وَلَا رَيْحٌ مَا لَمْ يَضْمَنْ وَلَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya: “Tidak halal salaf dan jual beli, tidak halal dua syarat dalam satu jual beli, tidak halal keuntungan tanpa mengambil risiko, tidak halal jual beli sesuatu yang kamu tidak miliki”.

(Hadis Riwayat Tarmizi)

- iv. Keempat: Perdagangan melalui *cross currency pair* yang melibatkan dua akad *sarf* berlaku secara serentak. Misalnya, mata wang GBP/JPY iaitu membeli mata wang pound dengan melakukan pembayaran mata wang yen di samping terdapat duit deposit USD dalam platform. Mengikut tradisi asal, transaksi tersebut perlu melibatkan dua akad *sarf* yang berbeza. Namun, dalam *forex*, pedagang akan menekan satu butang sahaja (*long*), lalu USD akan ditukar dengan yen dan yen akan ditukar ke pound. Ketika penutupan posisi, pound ditukar ke yen dan yen ditukar ke USD serentak dan melibatkan dua lagi akad *sarf* secara serentak. Oleh demikian, tiada *taqabud* semasa transaksi pertama dan transaksi kedua yang mana masing-masing melibatkan dua akad *sarf* serentak dan menjadikan transaksi ini dilihat sebagai empat akad *sarf* serentak. Jual mata wang seperti ini adalah haram kerana tiada *qabd* yang berlaku sama ada secara fizikal atau *hukmi* (Azlin, 2021).

### 3.2. Riba Melalui Rollover Interest

*Rollover* adalah proses di mana kedudukannya dikekalkan aktif semalaman. Apabila ini berlaku, kadar faedah mata wang-mata wang dalam pasangan *forex* yang berkenaan akan dikira. Pedagang akan dikreditkan atau dicaj sejumlah wang bergantung kepada kadar faedah yang berkuat kuasa (FBS Online Forex Broker, 2021).

Perdagangan *forex* atas talian memerlukan pedagang membuka posisi (*open position*) dan kemudiannya menutup posisi (*close position*). Lazimnya, caj *rollover* akan dikenakan ke atas pedagang apabila pedagang membiarkan posisi dibuka sama ada *long* ataupun *short* sehingga melebihi 24 jam. Caj *rollover* ini dikenakan secara automatik pada setiap hari Isnin sehingga Jumaat di antara jam 4.58 dan 5.06 petang *Eastern Standard Time* (EST). Pedagang akan membayar atau menerima *rollover interest* berdasarkan kepada arah posisi yang diambil (menjual atau membeli) dan tertakluk kepada perbezaan kadar faedah kedua-dua mata wang yang terlibat apabila pedagang membuka posisi melebihi semalaman (Marjan et al., 2011).

Oleh itu, jelas bahawa dalam perdagangan *forex* yang menawarkan *rollover interest* ini merupakan *riba al-nasi'ah* yang diharamkan oleh syarak sama ada sebagai penerima

mahupun sebagai pembayar bergantung kepada posisi yang diambil. Ini adalah seperti mana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, 2:278-279 berikut.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذُرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ. فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُؤُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ.

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.

### 3.3. Qard dalam Leveraj (Leverge)

Konsep leveraj dalam urus niaga mata wang asing (*forex*) di platform syarikat broker melalui internet adalah tidak sama dengan konsep leveraj dalam pinjaman. Leveraj dalam urus niaga mata wang asing adalah lebih hampir kepada kontrak “*mua’wadah* tidak mutlak” yang mana pemberian leveraj pada peringkat awal bersifat *tabarru’* iaitu pemberian jaminan (*kafalah*) memasuki pasaran dengan leveraj yang disediakan tanpa syarat balasan (Alias et al., 2015). Kontrak ini diharuskan kerana ia bukanlah kontrak pinjaman yang bersyarat akan tetapi leveraj di sini lebih bersifat jaminan (*kafalah*) sementara kepada peniaga untuk memasuki pasaran. Konsep leveraj dalam *forex* sebenarnya lebih hampir kepada konsep *tabarru’* pada permulaan dan konsep *mua’wadah* pada akhirnya di mana kedua-dua obligasi ada manfaatnya (Mohd Zaki, 2012).

Dalam perdagangan *forex* atas talian oleh individu, leveraj (*leverage*) disediakan apabila platform atau broker memberikan pinjaman yang lebih tinggi daripada nilai yang dikreditkan ke dalam akaun para pedagang. Misalnya, pedagang memasukkan wang pelaburan sebanyak USD100 ke dalam akaun mereka, jika leveraj yang dikenakan bersamaan 1:100, maka beliau boleh melakukan perdagangan sehingga USD10,000 sedangkan modal tadi hanyalah USD100 (Rahmat et al., 2021).

Pinjaman yang diberikan tersebut memberi manfaat kepada broker sebagai pihak pemberi pinjaman (Mohd Zamerey, 2009). Dalam Islam, setiap pinjaman yang membawa manfaat kepada pihak pemberi pinjaman adalah termasuk dalam riba sebagaimana dalam kaedah fiqh:

كل قرض جر نفعًا فهو ربا

Maksud: “Setiap pinjaman yang memberi manfaat (kepada pemberi pinjam), maka ia adalah riba”.

Kata-kata ini walaupun dari sudut ilmu hadis ia adalah hadis yang tidak sabit dengan sanad yang sahih, tetapi ia telah menjadi kaedah yang disepakati oleh seluruh ulama Islam.

### 3.4. Spekulasi yang Melibatkan Perjudian (Maisir)

Spekulasi merupakan unsur yang ditegah dalam Islam kerana ianya berbahaya dan perlu dihalang bagi memelihara agama, kehidupan, harta dan intelek. Spekulasi juga ditegah

kerana dilihat sebagai salah satu unsur yang membuka peluang kepada kegiatan rasuah, inflasi, *black money industry*, dadah dan kepada ketidakseimbangan ekonomi (Rafikov & Saiti, 2017).

Menurut Nor Fahimah et al. (t.th), antara perkara yang terlibat dalam kategori perjudian (*qimar*) ialah kegiatan spekulasi atau bentuk-bentuk pelaburan yang tidak didasari oleh matlamat pelaburan sebenar, bahkan merupakan permainan semata-mata bagi mendapatkan keuntungan segera melalui kaedah mempertaruhkan nasib kepada turun naik harga. Dalam perdagangan *forex* atas talian oleh individu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat ciri-ciri yang mempertaruhkan nasib dan menjadikannya berbeza dengan perdagangan sebenar bahkan menyamai permainan "*game of chance*" yang kebiasaannya dikaitkan dengan perjudian.

Justeru itu, kewujudan unsur perjudian yang mendedahkan pihak pedagang kepada peluang untung atau risiko kerugian kerana bergantung kepada spekulasi (ramalan) pergerakan nilai mata wang yang berada di luar kawalan, usaha dan pengaruh pihak yang mengurus niaga. Perkara ini bersamaan dengan meletakkan wang pertaruhan yang mengakibatkan salah satu pihak mengaut keuntungan atas kerugian pihak lain yang mana untung dan rugi ini bergantung kepada nasib (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2012)

### 3.5. *Gharar*

Menurut laman web *forex Easylabur* (2022), asas kepada strategi perdagangan *forex* atas talian oleh individu ialah mempertimbangkan sama ada mata wang yang pedagang ingin memperdagangkan akan naik ataupun turun. Misalnya adalah seperti dua situasi berikut:

- i. Situasi 1: Sebut harga semasa bagi EUR/USD ialah 1.3038/1.3040. Pedagang meramalkan mata wang euro akan meningkat pada masa hadapan, jadi pedagang membeli EUR/USD pada harga 1.3040. Kemudian, disebabkan peningkatan ekonomi negara Eropah atau kejatuhan ekonomi negara Amerika, mata wang EUR/USD memperlihatkan peningkatan seperti yang diramalkan. Mata wang EUR/USD meningkat kepada 1.3072/1.3074 dan pedagang menutup dagangan pada kadar 1.3072. Ini akan menghasilkan 32 titik perpuluhan (*spread*). Maka,  $1.3072$  (harga ketika menutup dagangan)  $- 1.3040$  (harga ketika anda membeli) = 32 *spread* atau \$32 keuntungan, jika satu titik bersamaan dengan \$1.
- ii. Situasi 2: Sebut harga semasa EUR/USD adalah 1.3038/1.3040. Pedagang mempercayai bahawa mata wang euro akan jatuh di masa hadapan dan pedagang bercadang untuk menjualnya, jadi pedagang memperdagangkannya pada kadar 1.3038. Kemudian, sebut harga semasa EUR/USD adalah pada kadar 1.3072/1.3074 dan pedagang bercadang untuk menutup dagangan pada kadar 1.3074 yang mana dagangan pedagang rugi 36 titik perpuluhan (*spread*). Maka,  $1.3074 - 1.3038 = 36$ , jika satu titik bersamaan dengan \$1 ini bermaksud anda rugi \$36.

Kedua-dua contoh situasi di atas menunjukkan perdagangan *forex* boleh dilaksanakan sama ada secara penurunan atau peningkatan dan ramalan seseorang pedagang adalah yang paling utama dalam memahami kadar pertukaran mata wang. Transaksi *forex* merupakan suatu metod transaksi mata wang asing yang menggunakan prinsip analisis pergerakan harga yang mana para pedagang perlu mengambil keputusan untuk

menjalankan perdagangan dengan mengenal pasti pola pergerakan harga yang terjadi di pasar (teknikal) (Ulil Amri, 2021).

Maka, transaksi ini termasuk dalam transaksi yang memiliki unsur *gharar* (Aznan, 2015). Hal ini kerana, mengetahui sifat barang sahaja tidaklah cukup sebagai syarat sahnya jual beli. Di samping itu, kewujudan unsur *gharar* dalam transaksi ini adalah kerana ketidaktentuan pada identiti penyedia platform, undang-undang yang menyelia perdagangan tersebut serta keabsahan transaksi yang dilakukan (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2016).

#### 4. Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan unsur pengharaman dalam perdagangan forex atas talian oleh individu, maka status transaksi perdagangan *forex* patuh syariah (*Islamic Forex Trading*) juga dapat dikenal pasti. Ini adalah rentetan daripada kemunculan pelbagai platform/broker yang menawarkan akaun perdagangan *forex* patuh syariah sejak akhir-akhir ini. Platform/broker ini mendakwa perdagangan *forex* tersebut adalah patuh syariah kerana transaksinya tanpa *rollover interest* atau lebih dikenali sebagai *rollover free* atau *swap free* akaun (Rafiqah, 2020). Walaupun begitu, sesetengah daripada mereka akan mengenakan 'fee' atau komisen tambahan kepada para pedagang yang membuka posisi (*open position*) melebihi 24 jam atau mengenakan kadar *spread* yang lebih tinggi. Hakikatnya, *fee* atau kadar *spread* yang lebih tinggi ini merupakan taktik dan helah broker bagi menggantikan *rollover interest* yang tidak dikenakan terhadap pedagang. Hal ini kerana pedagang pada akhirnya akan membayar lebih terhadap jumlah dagangannya yang sebenar. Walaupun, syarikat menawarkan akaun perdagangan *forex* yang dikatakan patuh syariah kerana tidak mengenakan caj *rollover*, namun fungsi *fee* tambahan dan kenaikan kadar *spread* yang lebih tinggi disebabkan pertambahan waktu adalah menyamai caj *rollover* iaitu tambahan kepada jumlah hutang yang dikenakan ke atas pedagang (Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, 2021).

Selain itu, muncul juga pelbagai skim *forex* patuh syariah yang menawarkan *forex* tanpa leveraj kerana mereka mendakwa telah menggunakan konsep *qard al-hasan* (Anon, 2022). Sehubungan dengan itu, pelaksanaan skim tersebut dikatakan tidak mengambil sebarang manfaat daripada leveraj yang dipinjamkan kepada pedagang. Namun, sekiranya benar transaksi pinjaman tersebut tidak melibatkan manfaat dan tiada unsur riba, tetapi kewujudan isu syariah lain masih tetap ada dalam perdagangan tersebut. Isu syariah seperti *qabd* dan perjudian tetap tidak boleh dihilangkan dalam *forex* yang dikatakan patuh syariah ini.

Tambahan pula, operasi syarikat yang menawarkan perdagangan *forex* Islamik ini tidak dikawal selia oleh perbadanan syariah dan masih mempunyai risiko yang tinggi serta melibatkan spekulasi dalam transaksi yang bertentangan dengan prinsip Islam (Rafik & Eleri, 2015). Justeru, perdagangan *forex* yang dinamakan sebagai *Islamic forex* ini masih mempunyai unsur yang menyerupai *forex* konvensional yang tidak mematuhi piawaian transaksi mata wang dalam Islam. Ini bermakna, apa-apa transaksi yang melibatkan perdagangan mata wang secara individu sama ada Islam dan konvensional, hukumnya tetap haram.

## 5. Kesimpulan

Perdagangan *forex* atas talian oleh individu ialah transaksi jual beli mata wang atau *bay' al-sarf* yang merupakan antara urusan kewangan yang perlu disandarkan dengan hukum-hukum muamalat untuk mengetahui kedudukannya dalam Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan dan mendapati bahawa kedudukan perdagangan *forex* atas talian oleh individu adalah haram di sisi Islam berikutan unsur-unsur yang terdapat dalam transaksi ini termasuklah ketiadaan *qabd*, kewujudan *qard* dalam leveraj, kewujudan riba dalam *rollover interest*, spekulasi yang melibatkan perjudian (*maysir*) dan *gharar*. Meskipun terdapat beberapa broker/platform yang menawarkan perdagangan *forex* patuh syariah, umat Islam mestilah berwaspada dengan tawaran yang diiklankan kerana perdagangan tersebut masih mengandungi unsur pengharaman yang lain dan tidak halal secara mutlak. Justeru itu, masyarakat Islam dilarang sama sekali untuk terlibat dalam perdagangan mata wang seperti ini kerana elemen pengharaman yang terkandung dalam transaksinya jelas dapat dilihat sama ada melalui operasi perdagangan, pedagang, broker dan lain-lain.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Tidak berkenaan.

## Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan dari mana-mana pihak.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Abdul Rahman & Joni, T. (2017a). Amalan pertukaran asing konvensional: analisa berdasarkan perspektif syariah. *Jurnal Syariah*, 25(3), 453-480.
- Abdul Rahman & Joni, T. (2017b). Konsep wang dan al-*ṣarf* menurut perspektif syariah. *Jurnal Al-Basirah*, 7(2), 69-85.
- Abdul Wahab. (2016). Keterlibatan bank shari'ah dalam aplikasi perdagangan foreign exchange (*forex*). *Jurnal Perbankan Syariah*, 1(1), 31-47.
- Anon. (2022). Leverage: apa yang trader perlu tahu. *Majalah Forex Malaysia* Februari.
- Azlin, A. A. (2021). *Forex Trading in Islamic Law Perspective*. Slaid. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aznan, H. (2015). *Garis panduan syariah dalam perdagangan forex*. Video. Maybank, Malaysia.
- Easylabur.com. (2022). Apa itu forex? Belajar cara main forex Malaysia. Easylabur. <https://www.easylabur.com/forex/apa-itu-forex/> [25 Februari 2022].
- Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. (2021). Perdagangan pertukaran matawang secara lani (*individual spot forex*).
- FBS Online Forex Broker. (2021). Apakah itu rollover dan swap serta bagaimana cara menggunakannya bila berdagang? Brokerfbs. <https://ms-brokerfbs.com/analytics/guidebooks/swap-and-rollover-26> [25 Februari 2022].

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2012). Parameter perdagangan pertukaran mata wang asing. *E-Sumber Maklumat Fatwa*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10293> [25 Februari 2022].
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2016). Hukum forex trading online. *Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/119-hukum-forex-trading-online> [25 Februari 2022].
- Marjan et al. (2011). Operasi perdagangan pertukaran mata wang asing oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik: satu sorotan dari sudut syariah. *Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam JAKIM -ISRA*, 1-45.
- Mohamad Fazli, S. (t.th). Pengaruh forex terhadap pelajar IPT. UPM. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/56177/1/Pengaruh%20forex%20terhadap%20pelajar%20IPT.pdf> [26 Februari 2022].
- Mohd Zaki, Z. (2012). *Urusniaga matawang asing di platform forex exchange direct dealer (FXDD): satu analisis fiqh dan transaksi undang-undang Islam*. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Zamerey, A. R. (2009). Leverage dalam urus niaga mata wang asing/ foreign exchange (forex): satu analisis dari perspektif. *Jurnal Muamalat*, 2, 75-93.
- Muhammad Farhan, I., Ishak, H.A.R.& Azmi, A. (2021). Pandemik Covid-19: pendekatan kerajaan Malaysia dalam mengurus keselamatan negara. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(26), 23-38.
- Nazriani, A. (2019). *Hukum transaksi forex trading berdasarkan fatwa dewan syariah nasional nomor 28/dsn-mui/iii/2002 tentang jual beli mata uang (studi kasus di Kota Medan)*. Tesis Sarjana, Fakultas Syariah Dan Hukum, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara.
- Nik Rahim, N. W. & Nurliyana, B. (2021). Perdagangan mata wang atas talian (online forex trading): kewajaran pengharamannya dari perspektif syariah dan undang-undang Malaysia. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 202*, hlm. 195-209.
- Nor Fahimah, Noor Sakinah & Shamsiah. (t.th). Spekulasi menurut pemikiran sarjana ekonomi dan sarjana Islam. *International Shariah Research Academy for Islamic Finance ISRA, Malaysia*.
- Nur Khosiah. (2020). Forex trading menurut islam. *Usrah*, 1(1), 18-27.
- Rafik Fakhry, O. & Eleri, J. (2015). Critical evaluation of the compliance of online Islamic forex trading with Islamic. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 8(1), 64-84.
- Rafikov & Saiti. (2017). An analysis of financial speculation: from the Maqasid Al-Sharia'h perspective. *Humanomics*, 33(1), 2-14.
- Rafiqah. (2020). Analisis shari'ah compliance pada trading forex online. *Misykat*, 5(1), 147-164.
- Rahmat et al. (2021). Jual beli mata uang sistem trading forex dalam perspektif hukum Islam. *Jurnal Bidang Muamalah dan Ekonomi Islam*, 1(1), 60-78.
- Ulil Amri. (2021). Forex trading menurut hukum islam. *Jurnal Kajian Islam Kontemporer*, 12(1), 1-13.
- Wan Norhaniza, W. H. (2018). Bai' al-sarf dalam pertukaran asing: analisis maqasid syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(11), 22-35.